

# 'Singapura takut bayang sendiri'

## Orang Melayu dipinggir hakikat tak boleh disangkal

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

**K**UALA LUMPUR: Tokoh sejarah, penganalisis politik, veteran Umno dan pihak yang membuat kajian mengenai Melayu sependapat tindakan meminggirkan orang Melayu oleh Kerajaan Singapura adalah hakikat yang tidak boleh disangkal.

Tokoh sejarah yang juga penganalisis politik, Profesor Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim, berkata kerajaan Singapura meminggirkan Melayu republik itu melalui dasarnya yang mementingkan kaum Cina dalam semua perkara.

Katanya, Singapura sebenarnya takut pada bayang-bayang sendiri kerana kedudukannya dikelilingi negara-rumpun Melayu hingga berusaha memastikan Melayu tidak menjadi golongan yang berpengaruh.

"Sebenarnya mereka (Singapura) takut dan kerana itu juga mereka tidak pernah melantik orang Melayu mengemudi angkatan tentera mereka.

"Kerana ketakutan itu juga dasar negara itu mengutamakan orang Cina dan tidak nampak usaha untuk membantu orang Melayu," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan bekas Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Singapura yang kedua, Prof

Mohammed Yacob, bahawa masyarakat Melayu Singapura dipinggirkan secara sistematik sejak Parti Tindakan Rakyat (PAP) memerintah pada 1959 dan Lee Kuan Yew menjadi Perdana Menteri-nya yang pertama.

Beliau mendakwa peminggiran berlaku walaupun Perlembagaan Singapura mengiktiraf hak kaum minoriti dan hak istimewa orang Melayu yang tinggal di Singapura.

Khoo berkata, kerajaan Singapura juga tidak ikhlas melaksanakan perkara berkaitan Melayu termasuk bahasa walaupun Perlembagaan negara itu memperuntukkan bahawa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Baru-baru ini, Lee yang juga Menteri Mentor Singapura memberitahu satu forum di republik itu masyarakat Cina di Malaysia dan Indonesia dipinggirkan secara sistematik dan komen itu menyebabkan Kuala Lumpur dan Jakarta tersinggung.

Sementara itu, Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu, Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif mencabar Lee mendedahkan peratusan pemilikan ekuiti Melayu dan Cina di republik berkenaan.

Katanya, jika didedahkan beliau pasti peratusan itu menunjukkan Melayu jauh ketinggalan hasil peminggiran

yang dilakukan.

"Pada 2005 dari segi pemilikan hartanah, masyarakat Cina Malaysia memiliki 71.9 peratus berbanding 11.7 peratus oleh Melayu. Bidang profesional pula Cina mewakili 48.7 peratus berbanding Melayu hanya 38.8 peratus.

"Bagi pemilikan ekuiti pada tahun 2004 pula, Cina memiliki 39.9 peratus berbanding Melayu 18.9 peratus. Kesimpulannya masyarakat Cina di negara ini melebihi daripada kejayaan Melayu.

"Jadi saya mencabar Lee mendedahkan perangkaan di negara mereka," katanya.

Sementara itu, veteran Umno, Tan Sri Aishah Ghani, berkata kedudukan lebih baik orang Melayu Singapura ketika itu berbanding sekarang adalah bukti jelas peminggiran golongan minoriti itu di republik terbabit.

"Dulu mereka mampu tinggal di rumah banglo dan memiliki tanah yang besar tetapi kini Melayu tidak mempunyai apa-apa lagi. Kawasan penempatan asal mereka diambil secara paksa melalui undang-undang dan dihantar ke ceruk-ceruk dan terpisah-pisah.

"Jika dilihat kedudukan Melayu di negara itu memang amat sedih akibat disisih secara terancang," katanya.